

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 18 TAHUN 2019**

**SURAT AKUAN MEWAKAFKAN PENYERAHAN TANAH UNTUK  
SIMPANAN JALAN DAN MASJID ATAU SURAU.**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 23/19 yang bersidang pada 06 November 2019 melalui Kertas Bil. 23/2019/D 8(167) telah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

- i. Penyerahan tanah bagi simpanan jalan dan tapak masjid atau surau bagi tujuan Pecah Sempadan Tanah Di Bawah Seksyen 136 Kanun Tanah Negara 1965, Permohonan Secara Serentak Untuk Pecah Sempadan Tanah Di Bawah Seksyen 124A Kanun Tanah Negara 1965, Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Tanah Dibawah Seksyen 204A Kanun Tanah Negara 1965 perlu disertakan dengan Surat Akuan Wakaf bagi yang tanah terlibat untuk simpanan jalan dan tapak masjid atau surau sebagaimana Borang **di Lampiran A.**
  
2. Selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut, keperluan Surat Akuan Wakaf ini hendaklah disertakan diperingkat permohonan dan sebagai tambahan kepada akaun berkanun persetujuan tuan tanah untuk menyerahkan kawasan-kawasan kegunaan awam kepada kerajaan.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut .



.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL** D.P.S.K (KELANTAN), K.M.N.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA:**

YABhg Dato'/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB.Dato' Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato'Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB.Dato'Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs Pengarah Kerajaan Tempatan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL NO : PTG.KN. 12/3/60**

**BERTARIKH : 20 RABIUL AWAL 1441H  
17 NOVEMBER 2019**



LAMPIRAN A

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN**

**SURAT AKUAN PENYERAHAN TANAH KEPADA  
KERAJAAN UNTUK KEMUDAHAN AWAM**

Diperbuat surat cara penyerahan ini di .....  
pada hari ..... Tarikh ..... Haribulan ..... Tahun ..... Hijrah  
Bersamaan ..... Tarikh ..... Haribulan ..... Tahun ..... Masihi

Dihadapan : 1 - .....  
2 - .....

Bahawa adalah saya/kami : ..... kad pengenalan : .....  
Alamat : .....

Bahawa adalah saya/kami : ..... kad pengenalan : .....  
Alamat : .....

Tuan punya :

- i) Tanah Lot .....GM ..... Mukim ..... Seluas .....
- ii) Tanah Lot .....GM ..... Mukim ..... Seluas .....

Bahawa sesungguhnya pada hari dan tarikh tersebut, dengan akal fikiran yang sempurna, sihat tubuh badan dengan redha dan suci hati saya/kami dengan lafaz yang sah iaitu saya/kami menyerahkan sebahagian tanah saya/kami untuk tujuan kemudahan awam :

- i) Tanah Lot .....GM ..... Mukim ..... Seluas .....
- ii) Tanah Lot .....GM ..... Mukim ..... Seluas .....

tersebut di atas : bagi tujuan kebajikan agama islam kerana Allah selama-lamanya dengan ini saya/kami serahkan

i) Sebagaimana pelan kelulusan dalam fail .....

i) Penyerahan saya/kami ini bagi amanah dan tadbir oleh Pesuruhjaya Tanah Kelantan maka dari hari dan tarikh kelulusan permohonan ini terlepas ia daripada nama milik saya/kami.

Di atas betul dan benar, sah dan nyatanya, maka saya/kami turunkan tandatangan saya/kami di bawah ini di hadapan saksi-saksi yang hadir.

Tanda tangan pewakaf

Tanda tangan saksi

1.  
(Nama : )  
(KP : )

1.  
(Nama : )  
(KP : )

2.  
(Nama : )  
(KP : )

2.  
(Nama : )  
(KP : )

Disahkan oleh : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

No. KP : .....